

23 APR 1997

Aids

MASYARAKAT MASIH MEMPUNYAI PRASANGKA TERHADAP AIDS

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Sikap diskriminasi terhadap pesakit AIDS dan pembawa kuman HIV di kalangan masyarakat tempatan termasuk golongan pengamal perubatan menyebabkan golongan itu sentiasa dipulaukan, kata Presiden Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir.

Badan itu yang menerima banyak aduan mengenai sikap sedemikian sehingga terpaksa "menyelamatkan" seorang pesakit AIDS dan keluarganya daripada masyarakat sekeliling, katanya.

"Diskriminasi dan cemuhan yang keterlaluan oleh orang kampung mengakibatkan Majlis AIDS Malaysia terpaksa memindahkan pesakit itu dan dua anaknya yang masih kecil dari kawasan tempat tinggal mereka," katanya pada persidangan berita mengenai pelancaran Minggu Memperingati AIDS Sedunia 1997 anjuran Yayasan AIDS Malaysia, di sini.

Marina berkata, majlis itu turut menerima laporan mengenai perbuatan sesetengah pihak yang sepatutnya bertanggungjawab merawat pengidap AIDS/HIV tetapi mengamalkan diskriminasi sehingga mengabaikan keperluan mereka.

Pihaknya akan membuat aduan kepada Kementerian Kesihatan berhubung dakwaan bahawa seorang pesakit AIDS meninggal dunia tanpa rawatan di sebuah hospital baru-baru ini, katanya.

Mengenai Minggu Memperingati AIDS (AIDS Memorial Week) yang akan bermula 1 Mei depan, Marina berkata, sambutan tahunan kali keenam itu akan dilancarkan di Pasar Seni, di sini dengan bertemakan "Hargai Setiap Insan, Muliakan Setiap Pemergian".

Antara aktiviti sepanjang tiga hari yang terbuka kepada orang ramai ialah pameran poster AIDS oleh pelajar Institut Teknologi Kreatif Lim Kok Wing, sebaran maklumat mengenai AIDS oleh badan-badan bukan kerajaan dan kuiz kesedaran AIDS.

Pada 2 dan 3 Mei, "Tayangan Gambar Peringatan AIDS" akan berlangsung di British Council, di sini yang merupakan program tayangan filem dan dokumentari secara percuma mengenai AIDS.

Pameran "Art AIDS" iaitu pameran seni kerja-kerja terapi oleh 25 orang pengidap AIDS/HIV akan diadakan di "GaleriWan", di Bangsar Baru di sini.

Pada 4 Mei, kemuncak sambutan iaitu Malam Memperingati AIDS Sedunia 1997 akan diadakan di Dataran Merdeka, di sini yang akan dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabaruddin Chik.

Sambutan di peringkat negeri Perak, Sarawak dan Pulau Pinang yang dianjurkan oleh badan-badan naungan Majlis AIDS Malaysia turut diadakan pada minggu yang sama. -- BERNAMA

RAZ PR